

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



**AmAssurance**

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans liabiliti anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

**Liberty General Insurance Berhad**  
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 12/2025

## 1 Apakah Pampasan Pekerja?

Pampasan Pekerja melindungi anda sebagai seorang majikan berhubung dengan liabiliti undang-undang anda, dibawah Akta Pampasan Pekerja dan juga Common Law terhadap pekerja-pekerja anda yang biasanya tidak terlindung oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (SOCSO) sebagaimana diperuntukkan dibawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

**Sebagai ilustrasi**, dengan pembayaran **RM100.00** [setahun] anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut dengan Had Common Law **RM1,000,000**:

Polisi ini **melindungi**:

Polisi ini menanggung rugi anda terhadap semua jumlah yang anda harus tanggung untuk membayar pampasan kepada pekerja anda keatas kecederaan diri yang akibat daripada kemalangan atau penyakit pekerjaan yang berpunca dan di dalam tempoh pengajiannya di bawah:

- Akta Pampasan Pekerja 1952 dan pindaan seterusnya pada Akta tersebut, atau
- Common Law

Polisi ini tertakluk kepada bidang kuasa di dalam Malaysia sahaja

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Mana-mana pekerja yang bukan tergolong sebagai 'pekerja' di bawah takrifan Undang-undang Pampasan Pekerja
- Liabiliti anda terhadap pekerja-pekerja Kontraktor
- Mana-mana kecederaan badan akibat daripada kemalangan atau menghidap penyakit yang berlaku di luar lingkungan kawasan
- Mana-mana liabiliti tertanggung oleh perjanjian
- Mana-mana kecederaan badan akibat daripada kemalangan atau menghidap penyakit yang berpunca daripada peperangan, senjata bahan nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran oleh radioaktif daripada mana-mana tenaga nuklear
- Sebarang liabiliti yang bersifat apa-apa jenis diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh penyakit HIV (Human Immunodeficiency Virus) dan/atau mana-mana penyakit berhubung dengan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang mutan yang diperoleh atau perbezaan sedemikian

**Nota:** Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun (kecuali risiko projek).

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:**



Hubungi kami di  
1 800 88 6333



Layari kami di  
[www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my)



Emel kami di  
[customer@amassurance.com.my](mailto:customer@amassurance.com.my)



Imbas kod  
QR di atas

## 3

## Ketahu Kewajipan Anda

<b>Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:</b>	
Perlindungan Asas	<i>RM100.00 (setahun)</i>
(+) Perlindungan Tambahan	<i>Tidak Berkenaan</i>
<b>Premium Kasar</b>	<b><i>RM100.00 (setahun)</i></b>
<b>Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</b>	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	<i>RM8.00</i>
(+) Duti Setem	<i>RM10.00</i>
<b>Jumlah Premium Perlu Dibayar</b>	<b><i>RM118.00 (setahun)</i></b>
<b>Di mana ini termasuk:</b>	
Komisen	<b>25%</b> daripada Premium Kasar atau <b><i>RM25.00</i></b>
<b>Nota:</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.</li> <li>Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.</li> </ul>	

## 4

## Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Kewajipan pendedahan:</b> Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.</li> <li><b>Perubahan Risiko:</b> Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.</li> <li><b>Had Common Law:</b> Had asas bagi Common Law ialah RM1,000,000 bagi setiap kemalangan dan secara agregat. Sila hubungi kami untuk maklumat lanjut sekiranya had yang lebih tinggi diperlukan.</li> <li><b>Anggaran Pendapatan Tahunan:</b> Anda hendaklah menyelenggara rekod yang betul bagi setiap pekerja dan menyampaikan gaji serta pendapatan mereka dengan jujur. Sekiranya berlaku tuntutan dan didapati maklumat tidak tepat, syarat purata dalam polisi akan terpakai.</li> <li><b>Kewajipan Pihak Yang Diinsuranskan:</b> Anda hendaklah mengambil langkah berhati-hati yang munasabah untuk memastikan hanya pekerja yang berkelayakan diambil bekerja, mengambil semua langkah berjaga-jaga yang wajar untuk mencegah kemalangan, mematuhi semua peraturan statutori dan mengekalkan semua premis, perabot, kelengkapan, perkakas dan peralatan dalam keadaan baik.</li> <li><b>Lebihan:</b> Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda.</li> <li><b>Premium:</b> Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.</li> <li><b>Tuntutan berkaitan liabiliti:</b> Anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami. Jika berlaku sebuah tuntutan atau kejadian yang berpotensi mencetuskan sebuah tuntutan, anda harus memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta.</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Senarai ini <b>tidak lengkap</b>. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>
---

## ?

## Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium.
- Tiada bayaran balik premium jika premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.